

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPDNHEP
(BULAN JANUARI 2019)**

23 JANUARI 2019

**DEWAN SERBAGUNA,
ARAS G, KPDNHEP**

Salutasi

YB Tuan Chong Chieng Jen

Timbalan Menteri

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna

YBhg. Datuk Muez bin Abdul Aziz

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna

YBrs. Tuan Badrul Hisham bin Mohd

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam
Negeri)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna

Encik Mohd Zaid bin Idris

Pengarah

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan,

Selaku Tuan Rumah bagi Majlis Perhimpunan Bulanan
KPDNHEP Januari 2019

Ketua-ketua Agensi di bawah KPDNHEP,

Ketua-ketua Bahagian di KPDNHEP,

Pengarah-Pengarah KPDNHEP Negeri,

Pegawai-pegawai Kanan KPDNHEP,

Rakan-rakan media,

Dato'-Dato'/Datin-Datin/Tuan/Puan warga KPDNHEP
yang saya hormati sekalian.

Pendahuluan

Ucapan Selamat Tahun Baharu kepada semua warga KPDNHEP dan tidak dilupakan kepada kaum yang berbangsa India yang menyambut Hari Thaipusam pada Isnin lepas, saya mengucapkan Selamat Hari Thaipusam.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Ucapan tahniah kepada **YBhg. Datuk Muez bin Abdul Aziz** di atas pelantikan sebagai Ketua Setiausaha, KPDNHEP berkuat kuasa mulai 8 Januari 2019 yang lalu,

Merakamkan penghargaan kepada mantan Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Jamil bin Salleh, yang telah bersara wajib pada 7 Januari 2019 yang lalu.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Hari ini merupakan **hari yang ke-204** saya sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, iaitu sejak dilantik sebagai Menteri pada 3 Julai 2018.

Walaupun tempoh itu agak singkat, dengan kerjasama semua pemimpin dan warga kerja yang berada di sini, kita telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti, termasuklah beberapa program-program baharu yang berjaya dimulakan dengan baik.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Imbasan pencapaian KPDNHEP sepanjang tahun 2018

Pada tahun 2018, saya telah menekankan supaya Kementerian akan menumpukan fokusnya untuk **membantu meringankan beban rakyat.**

KPDNHEP sebagai '*focal point*' dalam usaha meringankan beban rakyat khususnya berkait dengan kos sara hidup.

Antaranya:

- i. **Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL)**
- ii. Menubuhkan Yayasan Food Bank dan **Pelaksanaan Program Nasional Food Bank Malaysia.**
- iii. Memastikan peralihan dari Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) berjalan dengan lancar.

KPDNHEP sebagai *mediator* antara pengguna dan **industri** khususnya dalam menangani isu-isu spesifik seperti:

- i. Bekalan gula yang tergendala pada penghujung tahun 2018;

- ii. Penetapan harga jualan Petrol RON95 dan diesel secara mingguan

Kita berjaya menggerakkan **program-program** baharu seperti:

- i. **Pengurusan Aduan Pengguna (PPAP)** diwujudkan dengan menyediakan 8 saluran aduan.

Saluran aduan yang baharu iaitu melalui aplikasi Whatsapp telah diwujudkan pada 1 September 2018, telah melonjakkan lagi bilangan aduan yang diterima oleh KPDNHEP. Berdasarkan rekod, sebanyak **26,086 aduan telah diterima sepanjang tahun 2018**.

3 kategori tertinggi melibatkan harga, transaksi atas talian (online) dan iklan yang mengelirukan.

Kita harus menggembleng segala daya upaya kita untuk menangani isu-isu ini melalui gerak kerja

yang lebih tersusun dan sekiranya perlu, pindaan ke atas undang-undang di bawah Kementerian ini, selari dengan perkembangan zaman;

- ii. **Penguatkuasa KPDNHEP**, dengan jumlah kira-kira 2000 anggota penguatkuasa, perlunya kerjasama strategik dan bersepadu yang telah dijalinakan antara penguatkuasa dan badan-badan uniform lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi penguatkuasa perlu dimantapkan.
- iii. **MyIPO telah bekerjasama dengan *World Intellectual Property Organisation (WIPO)* dengan mengadakan program *Enabling IP Environment (EIE)*. Program EIE adalah projek jangka panjang dengan jangka masa 6 hingga 7 tahun dan dibiayai oleh WIPO-Japan *Funds in Trust*;**

- iv. Kementerian juga berbesar hati dengan pelantikan **Dr Rozhan Othman** sebagai pengerusi MyIPO berkuat kuasa 12 Disember lalu. Beliau mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam kajian pengurusan, perunding dan latihan serta merupakan profesor dalam pengurusan di beberapa buah universiti tempatan dan luar negara. Dengan pelantikan-pelantikan ini yang menampilkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang ini diharap dapat meningkatkan kredibiliti Kementerian dan Agensi dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.
- v. **SSM telah memperkenalkan “*Malaysian Business Reporting System*” (MBRS)** bertujuan untuk meningkatkan kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan telah dirasmikan pada 27 September 2018.

- vi. **Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN)** juga telah diperkasa dengan menampilkan kepimpinan baharu yang lebih proaktif dalam mengetengahkan isu-isu pengguna dan idea-idea baru. Saya yakin, gandingan mantap antara MPPN dengan Bahagian Gerakan Kepenggunaan akan membuahkan suatu hasil/*outcome* yang positif pada tahun ini.

- vii. Kementerian juga telah melancarkan **Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP) pada 29 November 2018** yang menawarkan barang keperluan harian pada harga 3% hingga 20% lebih murah daripada harga pasaran di premis kendalian rakan strategik peruncitan yang menyertai inisiatif tersebut.

- viii. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menerima Pengerusi baharu dengan pelantikan **Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus** yang mempunyai pengetahuan luas selama hampir

45 tahun dalam bidang perundangan. Dengan adanya kepimpinan yang baharu ini saya yakin peranan MyCC akan lebih diperkasa dengan matlamat untuk menggalakkan persaingan yang lebih sihat bagi kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi negara;

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Amanat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

1. Cabaran 2019

Menunaikan janji Kerajaan dalam keadaan kedudukan kewangan negara yang terhad. Di bawah bidang fungsi KPDNHEP, terdapat 2 janji Kerajaan yang perlu diambil perhatian iaitu **“menurunkan tekanan kenaikan harga yang membebani rakyat serta mengurangkan bebanan kos sara hidup”** dan **“menyediakan subsidi minyak bersasar”**.

Perkara ini sememangnya menjadi agenda utama Kementerian dan diteruskan sehingga kini;

Sebagai amanat pada awal tahun 2019 ini, saya ingin memulakan dengan menjelaskan cabaran-cabaran yang bakal kita tempuhi bersama. Cabaran ini amatlah berat sekiranya tiada kerjasama antara satu sama lain dan semangat bekerja dalam pasukan. Antara cabaran yang bakal kita berdepan pada tahun ini termasuklah:

- i. **Pelaksanaan subsidi petrol secara bersasar;**
- ii. Cabaran kita yang kedua ialah **menangani isu kos sara hidup rakyat**. Kita harus mempunyai setiap maklumat/data yang perlu kita fahami sebelum merangka sesuatu dasar yang komprehensif. Untuk itu, Pembangunan ***Malaysia Cost of Living System (MyCOL)*** yang mengoptimumkan penggunaan Data Raya (*Big Data*) hendaklah dijadikan sebagai

keutamaan bagi membolehkan ramalan (*predictive model*) dalam mengkaji perubahan harga sesuatu barangan.

- iii. Menguruskan ekspektasi rakyat yang mahukan Kerajaan meletakkan polisi yang boleh menurunkan harga barangan tanpa menjejaskan pertumbuhan industri dalam negara.

2. Keutamaan Kementerian dan Faktor Utama Kejayaan 2019

Bekerja dalam pasukan dan bukan bekerja secara "*in silo*". Perlu diwujudkan pasukan kerja atau pasukan khas, atau *working committee* di peringkat *inter-Ministry* dan *intra-Ministry*, yang mana fokusnya adalah untuk menyelesaikan isu-isu kepenggunaan secara terus dan pantas. Perlu ada *rappot* antara kementerian-kementerian yang berkait rapat dengan isu kepenggunaan seperti Perbendaharaan,

Kementerian Pertanian, JAKIM, KASTAM, KDN dan sebagainya.

Pemeriksaan kesedaran pengguna melalui pelbagai platform sama ada melalui **Gerakan Siswa**, ***Friends of KPDNHEP*** dan lain-lain perlu dipergiat agar ilmu kepenggunaan sampai kepada sasarannya yang akhirnya akan melahirkan pengguna yang berdaya upaya dan bijak dalam membuat pilihan serta mempertahankan hak mereka sebagai pengguna.

Suka saya menyentuh inisiatif *Friends of KPDNHEP* yang mempunyai keahlian seramai **903,714 orang**. Di manakah mereka? Apakah impak yang diperolehi? Usaha perlu dilakukan untuk menyaring mereka ini bagi mendapatkan jumlah sebenar mereka yang benar-benar aktif. Biarpun di akhir jumlahnya sedikit, namun mereka ini adalah *cream of the cream* yang mampu menjadi agen kita di lapangan.

3. Harapan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Diharap semua warga KPDNHEP melaksanakan tugas dengan lebih gigih bersama barisan kepimpinan untuk merancang agenda perubahan demi kemaslahatan rakyat.

Semoga semua warga KPDNHEP terus istiqamah dan beriltizam menyampaikan perkhidmatan yang berimpak tinggi dengan cemerlang dan berintegriti. Dengan pasukan yang mantap ini, kita mampu untuk mencapai apa yang dihasratkan dengan saling memperkukuh sinergi serta tekad azam kita untuk kejayaan negara.

Penutup

Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada jawatankuasa penganjur yang telah berjaya mengaturkan majlis pada pagi ini.